



**TEKS RAKAMAN KATA ALUAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
PELANCARAN PELESTARIAN PANTUN SEBAGAI WARISAN
MELAYU TAK KETARA**

**TARIKH: 19 JULAI 2021 (ISNIN), MASA: 12 TENGAH HARI
BERTEMPAT DI PEJABAT KETUA MENTERI MELAKA**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan ;

Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

Tuan-tuan dan Puan-puan sidang penonton yang dihormati sekalian,

Kerajaan Negeri Melaka menyambut baik usaha Sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI), Majlis Penasihat Warisan Peradaban Melayu, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri Melaka (JKKN), serta semua agensi di peringkat negeri dan persekutuan yang telah berganding bahu bagi memastikan usaha **melestarikan pantun sebagai Warisan Melayu Tidak Ketara** berjaya dicapai.

Sesungguhnya, hasrat ini adalah bertepatan dengan matlamat Kerajaan Negeri Melaka, melalui visinya, “**Menuju Negeri Lestari**” dalam pelbagai bidang, termasuk melestarikan seni budaya dan warisan.

Apatah lagi, seni pantun juga telah pun menerima pengiktirafan oleh UNESCO pada **17 Disember 2020** yang lalu iaitu selepas pengiktirafan yang diterima oleh Dondang Sayang pada **2018**. Kedua-dua warisan dunia ini begitu subur dan popular di Negeri Melaka.

Justeru, meskipun, kita sedang berdepan dengan pandemik COVID-19, saya mendoakan agar usaha murni Sekretariat DMDI yang berpusat di Melaka serta semua agensi yang terlibat akan terus menyemarakkan pelbagai program untuk memperkasakan seni, budaya dan warisan.

Insya-Allah, sekiranya rentas negeri dibenarkan serta semua sektor ekonomi kembali beroperasi seperti sedia kala, saya menjemput semua rakan-rakan serumpun Dunia Melayu Dunia Islam untuk datang dan bercuti ke Negeri Melaka, Bandaraya Warisan Dunia UNESCO seterusnya bersama-sama menyemarakkan seni dan budaya di Negeri Melaka.

Akhir kata,

***Enak rasanya buah ramunia
Dicicah gula asam gelugur
Melaka Bandaraya Warisan Dunia
Rakyat Bahagia Aman Makmur***

***Rimbun melata buah pulasan
Banyak lebah berhimpun lama
Berpantun kita mengirim pesan
Salam Muhibbah serumpun bersama***

Sekian,

Wabillahitaufik walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.

